



TIADA MASALAH Peserta khatan bergambar bersama Pengarah PIUMS dan wakil dari NST 28.11.2017 5 PERKIPS.

44 Kanak-kanak sertai khatan Perdana UMS

KOTA KINABALU: Seramai 44 kanak-kanak lelaki berusia enam hingga 13 tahun diraikan dalam Majlis Khatan Perdana Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Pusat Rawatan Warga UMS kelmarin.

Menurut Pengarah Program, Noor Fazelah Salimin, program tersebut merupakan aktiviti tahunan yang telah memasuki kali ketujuh penganjurannya oleh Pusat Islam UMS dengan kerjasama Pusat Zakat Sabah dan Persatuan Kebajikan Islam dan Perubatan Sabah (PERKIPS).

“Program ini menjadi acara tahunan PI-UMS bagi memudahkan anak-anak kakitangan UMS, pelajar UMS dan masyarakat setempat untuk berkhatan.

“Melalui program ini juga para peserta program khususnya dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kesedaran akan kesihatan diri dan kesan mengabaikannya,” katanya.

Sementara itu, Pengarah PIUMS, Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Taat berkata program yang berlangsung selama sehari itu

berjalan dengan lancar hasil usaha jawatankuasa pelaksana program dan kerjasama ibu bapa peserta program itu.

“Terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga peserta yang melakukan pendaftaran lebih awal bagi memastikan program berlangsung dengan sempurna, serta tahniah kepada para peserta atas keberanian mereka menahut seruan tuntutan dalam Islam ini,” katanya ketika ditemui pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, dua peserta adik-beradik yang difahamkan merupakan pesakit autisme mencuri tumpuan apabila menjadi peserta terawal melakukan khatan tersebut.

Ahmad Umar Rayyan Marsudi, 6, dan Ahmad Adam Shafie Marsudi, 8, ketika ditemui media menyatakan rasa teruja mereka untuk menyertai program itu tanpa dipaksa.

Seramai enam orang jurukhatan dari PERKIPS yang diketuai Tuan Haji Laso Wakim terlibat dalam program tersebut.

Hadir sama Pengerusi PERKIPS, Dr. Ahmad Toha dan Pegawai Hal Ehwal Islam PIUMS, Noorisah Taljid.